

Malaysia kecam keganasan di Rakhine
Astro Awani
Nov 25, 2016

KUALA LUMPUR: Malaysia mengecam konflik keganasan melanda wilayah utara Rakhine sejak beberapa bulan lalu yang menyebabkan ramai yang terkorban selain kehilangan tempat tinggal.

Kementerian Luar Negeri menyeru semua pihak terlibat dalam keganasan tersebut supaya berhenti mengambil tindakan yang akan memburukkan keadaan.

"Malaysia juga menyeru kerajaan Myanmar untuk mengambil langkah menangani penghapusan etnik yang didakwa sedang berlaku di utara Rakhine," kata kementerian dalam satu kenyataan hari ini.

Ia menambah bahawa Duta Myanmar akan dipanggil untuk menyampaikan kebimbangan kerajaan Malaysia terhadap isu tersebut.

Kenyataan turut menyatakan Menteri Luar Negeri Anifah Aman akan bertemu dengan Menteri Luar Negeri dan kaunselor kerajaan Myanmar Aung San Suu Kyi secepat mungkin.

Tag: [Rakhine](#), [Rohingya](#), [Aung San Suu Kyi](#), [keganasan](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-kecam-keganasan-di-rakhine-123768>